



ABDUL FATTAH ABDULLAH (duduk, tengah) bersama sebahagian daripada Orang Asli yang menerima sijil selepas majlis penutup Bengkel Hala Tuju Koperasi Orang Asli Pahang 2017 di Kuantan, semalam. - BERNAMA

Saranan Angkasa supaya dapat diurus secara profesional

Koperasi Orang Asli perlu tubuh konsortium

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
pengarang@utusan.com.my

■ KUANTAN 26 OKT.

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyarankan Koperasi Orang Asli supaya menubuhkan konsortium peringkat nasional bagi membolehkan koperasi berkenaan diuruskan oleh mereka yang profesional.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sehingga kini, terdapat 88 Koperasi Orang Asli di seluruh negara membabitkan 20,000 orang ahli.

"Kita faham koperasi komuniti seperti Koperasi Orang Asli ini tidak mungkin akan menjadi penggerak utama yang akan menyumbangkan perolehan yang

tinggi kepada gerakan koperasi di negara ini.

"Justeru, Angkasa mencadangkan koperasi kecil seperti ini bergabung di bawah satu konsortium. Apabila ada konsortium dan diuruskan oleh mereka yang profesional, pendapatan koperasi dapat ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas menyempurnakan majlis penutup Bengkel Hala Tuju Koperasi Orang Asli Pahang 2017 di sini, hari ini.

Seramai 25 orang daripada 17 buah Koperasi Orang Asli di negeri ini menyertai bengkel berkenaan.

Abdul Fattah berkata, konsortium Koperasi Orang Asli telah pun diwujudkan di peringkat negeri ini dan perlu digerakkan pula di peringkat kebangsaan.

"Angkasa akan membantu bukan sahaja dalam aspek pengurusan tetapi juga dana menerusi pinjaman melalui agensi di bawah Angkasa," katanya.

Mengenai Bengkel Hala Tuju Koperasi Orang Asli, beliau memberitahu, program tersebut diadakan setiap tahun bagi memberi pendekahan kepada Koperasi Orang Asli mengenai perkembangan gerakan koperasi dan program yang dilaksanakan Angkasa.

"Selain memberikan penjelasan, kita juga menggerakkan Koperasi Orang Asli supaya menyediakan rancangan perniagaan bagi koperasi masing-masing.

"Apabila pulang daripada bengkel ini, mereka ada sesatu yang hendak dilakukan untuk meningkatkan pendapatan koperasi masing-masing," ujarnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia